

Gagal ke tandas

?

SAYA mempunyai seorang anak berusia empat tahun. Dia masih tidak boleh berkapak kalau ingin membuang air besar atau air kecil. Walaupun sudah empat bulan saya melatihnnya ke bilik air tetapi masih gagal. Peritukah saya terus memakainya sampai pakai buang?

Anis



Bersama
Dr Mastura Badzis

ELATIH anak menggunakan tandas perkara yang memerlukan kesabaran dan kefahaman mengenai sejauh mana anak sudah cukup bersedia mengenainya. Tindakan membuang air kecil dan air besar bagi bayi, satu 'refleks', iaitu tindakan pantulan semula jadi berlaku tanpa dikawal bayi berkenaan. Selepas usia 18 bulan, rasa ingin buang air biasanya berubah secara beransur-ansur kepada suatu yang boleh dikawal dan ia berkaitan dengan kesedaran dirinya terhadap fungsi anggota badan dan kawalan otot, iaitu bila ia boleh mengawal dan berada dalam situasi 'benar-benar bersedia' untuk dilatih 'menakar dari lampin ke penggunaan tandas'.


Keupayaan kanak-kanak mengawal rasa ingin buang air berbeza antara satu sama lain. Ada yang boleh dilatih ke tandas sebaik usianya mencecah dua tahun dan ada yang masih belum mencapai tahap itu sehingga umurnya tiga atau empat tahun. Biasanya bila kanak-kanak sudah berusia 5-7 tahun, usaha ke tandas tidak lagi dalam tempoh latihan kerana dia sudah cekap, malahan di usia ini ibu bapa juga tidak perlu lagi bimbang akan anak 'membasahkan' tilam di malam hari.

Keupayaan mengawal rasa ingin buang air, berkait rapat dengan aspek perkembangan bahasa dan emosi anak. Kanak-kanak memerlukan keupayaan berkomunikasi bagi menunjukkan tanda dia ingin ke tandas. Apabila kanak-kanak berada dalam situasi tertekan atau merasa tidak selamat seperti dimarahi dan sebagainya, keupayaan mengawal rasa ingin buang air tidak akan dapat berkembang dengan sempurna.

Memang lumrah, kanak-kanak akan kencing dalam tempoh latihan ke tandas ini. Ibu bapa, pengasuh atau pendidik perlu memahami ini berlaku mungkin kerana dia takut untuk ke tandas, takut bertanya di mana tandas atau mungkin kerana 'rasa' nak ke tandas sudah 'menguasainya' sehingga dia terlupe ke tandas.

Ada juga ibu bapa atau pengasuh yang kadang-kadang menggunakan perkataan selepas atau sebelum semasa melatihnnya dan perlu difahami dalam usia yang masih kecil ini, perkataan abstrak seperti itu begitu mengelirukan.

GAMBAR HIASAN



Perkembangan bahasa, emosi
pengaruhi si kecil sukar dilatih
buang air kecil, besar

“ Suatu yang normal bila kanak-kanak sudah sempurna latihan ke tandasnya tiba-tiba 'terkucil' semula dalam seluarnya. Situasi digelar 'regression' itu berlaku dalam suatu tempoh sementara dan tidak kekal! ”

Penny Tassoni
Profesional dan United Kingdom

Malah ada juga situasi kanak-kanak yang usianya melebihi empat tahun masih terus ingin mengenakan lampin hanya kerana takut sakit ketika 'jatuh terduduk ketika bermain'.

Bila anak "ter" buang air dalam proses latihan ini, ibu bapa, pengasuh atau pendidik sewajarnya memberi keyakinan kepada anak.

Mereka perlukan pelukan dan kata-kata perangsang di samping menukar segera pakaiannya yang kotor. Jika anak ini dimarahi terutama bagi yang berusia melebihi tiga tahun, mereka pastinya akan merasa marah dan malu.

Bila hal ini berlaku lagi, kanak-kanak yang mengalami situasi ini biasanya akan melakukannya secara senyap dan mereka akan cuba menyelesaikannya sendiri dengan cuba membersihkan diri dan menyalin pakaiannya sendiri tanpa diketahu orang lain.

Pakar dari United Kingdom, Penny Tassoni, berpandangan suatu yang normal bila kanak-kanak sudah sempurna latihan ke tandasnya tiba-tiba 'terkucil' semula dalam seluarnya. Situasi digelar 'regression' itu berlaku dalam suatu tempoh sementara dan tidak kekal.

Kanak-kanak yang lebih besar usianya juga berkemungkinan menghadapi situasi ini malahan sehingga terkencing di tempat tidur, sebagai contoh dia dibuli di sekolah atau ketakutan yang keterlaluan kepada seseorang yang sering memarahinya.

Ada juga sebab lain yang menjadikan kanak-kanak yang sudah sempurna latihan ke tandasnya mengulangi semula tabiatnya kerana faktor kesihatan seperti masalah di bahagian sistem saraf yang bersangkut paut dengan otak atau kanak-kanak itu sedang menjalani rawatan perubatan.

Dalam banyak perkara, peranan ibu bapa atau pengasuh sebenarnya lebih kepada 'memberi sokongan' bukan 'mendisiplin'. Puan juga wajar memberi perhatian terhadap masalah lain yang perlu dirujuk kepada doktor perubatan lain yang mungkin dihadapi anak menyebabkan keupayaannya mengawal 'rasa' itu terganggu.

Antaranya masalah berkaitan sembelit, rasa pedih atau gatal ketika hendak buang air disebabkan ruam, masalah 'cystitis' iaitu rasa sakit ketika hendak buang air kecil, begitu juga kebarangkalian anak menghadapi masalah infeksi pada buah pinggang.

INFO


Tip latih anak ke tandas

1) Kanak-kanak biasanya boleh dikesan sudah bersedia ke arah boleh mengawal rasa ingin buang air bila dia menunjukkan tanda berikut:

- Sudah boleh membezakan antara rasa basah dan kering
- Lampin yang dipakainya kering dalam satu tempoh lama melebihi tiga jam
- Boleh menunjuk ke arah lampin sebagai tanda memberitahu yang dia sudah 'basah'.
- Cuba membuka sendiri lampin bila sudah basah (menunjukkan rasa tidak selesa).
- Menunjukkan 'minat' menggunakan mangkuk tandas.

2) Apabila anda sudah kenal pasti faktor kesediaan di atas, membantu anak dengan cara berikut:

- Berfikirkan positif, banyakkannya memberi pengukuhan terhadap anak.
- Sesekali beri peluang kepadanya untuk tidak memakai lampin dalam jangka masa tertentu (tetapi dalam perhatian dan segera membawanya ke tandas bila anda dapat mengesan melalui reaksinya).
- Tidak memaksanya ke tandas.
- Jadikan proses ini mudah bagi kanak-kanak menghadapinya contohnya mengenakan pakaian yang mudah untuknya menanggalkan sendiri, menyediakan mangkuk tandas/ruangan yang sesuai dengan usianya.
- Tunjukkan kanak-kanak lain yang sudah pandai menggunakan tandas
- Bermain dengan anak patung yang 'menggunakan tandas'
- Membacakan buku mengandungi cerita perwatakan kanak-kanak berjaya menggunakan tandas dengan sempurna.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnta@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.